

## KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN INSTRUMEN PENGURUSAN PENDIDIKAN DAKWAH DI SEKOLAH

### *THE VALIDITY AND RELIABILITY OF DA'WAH EDUCATION MANAGEMENT INSTRUMENT IN SCHOOL*

Noor Azimah Surip<sup>1</sup>  
Khadijah Abdul Razak<sup>2</sup>  
Ab. Halim Tamuri<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Faculty of Education, Universiti Kebangsaan Malaysia, (Email: noorazimah1979@gmail.com)

<sup>2</sup>Faculty of Education, Universiti Kebangsaan Malaysia, (Email: khadijah.razak@ukm.edu.my)

<sup>3</sup>Faculty of Education, Universiti Kebangsaan Malaysia, (Email: tamuri67@gmail.com)

**Accepted date:** 25 Novemembr 2018

**Published date:** 14 April 2019

**To cite this document:** Noor Azimah, Khadijah & Ab. Halim (2019). Kesahan Dan Kebolehppercayaan Instrumen Pengurusan Pendidikan Dakwah Di Sekolah, *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 4(19), 108-118.

---

**Abstrak:** Artikel ini membincangkan tentang kesahan dan kebolehppercayaan instrumen untuk tujuan penilaian soal selidik kajian. Kesemua item dibina berdasarkan adaptasi ke atas beberapa teori dan model pengurusan serta kajian literatur yang telah diperolehi dari dalam dan juga luar negara. Hasil kajian ini telah mengemukakan lima dimensi penting dalam melaksanakan pengurusan pendidikan dakwah menerusi elemen merancang, mengorganisasi, memimpin, mendorong dan juga mengawal. Kajian rintis pula telah dilaksanakan terhadap 153 orang responden yang melibatkan guru-guru dari 12 buah sekolah rendah di seluruh Putrajaya. Seramai 8 orang pakar telah terlibat sebagai penilai kesahan kandungan dan 3 orang panel dalam bidang bahasa bagi menentukan kesahan muka dari sudut perkataan, laras bahasa dan juga ayat dalam setiap item yang dibina. Selain itu, kaedah pengukuran kuantitatif menerusi Content Validity Ratio (CVR) telah digunakan bagi menilai item-item tersebut samaada perlu untuk dikekalkan ataupun digugurkan. Manakala kebolehppercayaan instrumen pula telah diukur menggunakan kaedah ketekalan dalaman alpha Cronbach yang berada antara 0.8 dan 0.916. Hasil kajian mendapati kesemua item yang dibina telah memenuhi ciri-ciri pengukuran sesebuah instrumen dan boleh digunakan sebagai alat untuk mengukur dalam pelaksanaan pengurusan pendidikan dakwah di sekolah-sekolah rendah.

**Kata Kunci:** Kesahan dan kebolehppercayaan, instrument, pengurusan, pendidikan dakwah.

**Abstract:** This article discusses about the validity and reliability of instrument for survey research assessment purposes. All the items were built based on adaptation of several management theories and models including literature study obtained locally and internationally. Research results reveal five important dimensions implementing da'wah

*education management through elements of planning, organizing, leading, motivating and controlling. Eight experts were involved as content validity evaluator and three panels from linguistic field were involved to determine face validity from the angle of words, register and sentence in each item built. Apart from that, quantitative measurement method through Content Validity Ratio (CVR) has been applied to evaluate each item and determine whether it needs to be retained or dropped. Pilot study has been conducted on 153 respondents involving Islamic studies teachers from 12 primary schools in Putrajaya. Meanwhile, instrument reliability was measured using Cronbach's alpha internal consistency method, which is between 0.8 and 0.916. Research results find all the items built have fulfilled measurement characteristics of an instrument and can be used as a measurement tool in implementing da'wah education management in primary school.*

**Keywords:** *Validity and reliability, instrument, management, education, da'wah*

---

### **Pengenalan**

Ahmad Ibrahim Abu Sin (1991) telah mentakrifkan pengurusan sebagai satu kajian ilmiah terhadap bakat, kebolehan dan kemahiran seseorang untuk menjadi pengurus. Ia juga merujuk kepada individu atau sekumpulan manusia untuk melakukan sesuatu perkara dalam tempoh masa yang terhad (Bandarani, 2004) dalam usaha memenuhi keperluan orang lain melalui proses perancangan, pengorganisasian, bimbingan dan susulan dengan pelaksanaan yang tersusun (Alhammi, 1993). Menurut pandangan sarjana barat pula, Stoner, Freeman & Gilbert (1995) secara jelas mendefinisikan pengurusan sebagai proses, merancang, mengorganisasi, memimpin dan mengawal sesuatu kerja dengan menyasarkan matlamat yang hendak dicapai oleh sesebuah organisasi dengan penglibatan sumber-sumber sedia ada secara sistematik. Berdasarkan kepelbagaian pandangan yang telah diberikan, pengurusan itu dapat dirumus dan difahami sebagai satu proses yang melibatkan kepelbagaian unsur seperti perancangan, penstrukturan, pengarahannya, motivasi, kawalan dan penilaian dengan menjadikan sesuatu matlamat sebagai sandaran untuk dicapai. Di samping itu, pengurusan yang baik juga perlu diambil kira berdasarkan tanggungjawab sebagai manusia yang sentiasa memelihara hubungannya dengan Allah SWT dan juga sesama manusia dalam mencapai kejayaan sesuatu matlamat (Muhammad Syahir et al, 2016). Seperti mana telah difirmankan oleh Allah s.w.t dalam Surah al-Zukhruf 43:32 yang bermaksud:

*Kami membahagi-bahagikan antara mereka segala keperluan hidup mereka dalam kehidupan dunia ini (setengahnya kami jadikan kaya raya dan setengahnya miskin menderita); dan juga kami telah menjadikan darjat setengah mereka tertinggi dari darjat setengahnya yang lain; (semuanya itu) supaya sebahagian dari mereka senang mendapat kemudahan menjalankan kehidupannya dari (bantuan) setengahnya yang lain*

(Tafsir Muhammad Abdullah Basmeih 2006)

Ayat di atas telah menjelaskan kepada kita bahawa terdapat hikmah disebalik penciptaan manusia yang berbeza dari segi bakat dan pangkat. Ini menunjukkan bahawa kepelbagaian sumber daya manusia ini bukan bertujuan untuk menindas tetapi perlu diurus bagi mewujudkan hubungan kerjasama dan saling bergantung antara satu sama lain mencapai sesuatu matlamat dan berupaya mensejahterakan ummah.

## **Objektif Kajian**

Objektif kajian adalah untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen pengurusan dalam pendidikan dakwah di sekolah-sekolah. Secara khususnya, tujuan kajian adalah seperti berikut:

1. Menentukan kesesuaian item dengan konstruk pengurusan melalui kesahan pakar.
2. menentukan nilai kebolehpercayaan instrumen melalui analisis pekali alpha Cronbarch.

## **Kajian Literatur**


Kajian berkaitan pengurusan khususnya dalam pendidikan dakwah, Toni Arianto (2011) telah mendapati bahawa sikap sendiri yang negatif dan kurangnya kerjasama dalam kalangan guru pendidikan Islam (GPI) telah penyumbang kepada berlakunya masalah pengurusan di sekolah. Pernyataan ini hampir sama dengan dapatan kajian oleh Sukari, Nizam & Razak (2014), bahawa hanya 52.3% (GPI) telah mencapai wibawa sederhana tinggi dalam urusan kepimpinan yang merupakan elemen penting dalam aspek pengurusan itu sendiri. Situasi seperti ini bukan sahaja boleh menjadi faktor kepada kurangnya minat murid menyertai aktiviti dakwah di sekolah, malah sekaligus boleh menjadikan matlamat pendidikan dakwah itu menjadi gagal (Ahmad Sahlan & Rosmawati 2015) dan hanya membazirkan sumber kewangan serta tenaga kerja guru itu sendiri (Mariam Abd Majid 2015).

Tidak dinafikan, setiap guru Muslim mempunyai tanggungjawab dalam menyampaikan dakwah (Ahmad Kilani, 2003; Aziz Yusof, 2014; Muliani & Rosmawati, 2017). Namun, dalam konteks pengurusan aktiviti dakwah di sekolah pula, melalui Surat Pekeliling Ikhtisas bil.9A/1976 Kementerian Pendidikan Malaysia, tanggungjawab dan amanah ini perlu dilaksanakan dalam pengurusan setiap ahli GPI di sekolah-sekolah. Tugas ini harus diterjemahkan dalam setiap bentuk aktiviti dakwah melalui pengajaran dan pembelajaran mereka samada di dalam kelas atau di luar kelas agar ilmu teori pendidikan Islam itu dapat dipraktikkan melalui pebagai dimensi. Justeru, untuk mengenalpasti tahap pelaksanaan pengurusan dakwah dalam kalangan guru pendidikan Islam di sekolah-sekolah, satu instrumen untuk tujuan mengukur dan boleh diuji perlu dibina bagi tujuan ini.

Kajian-kajian lepas telah mendapati terdapat beberapa instrumen berkaitan pengurusan dalam pendidikan pernah dibina oleh pengkaji terdahulu seperti Mohd Najib (2007) yang telah mengukur peranan pengetua dalam pengurusan kokurikulum di sekolah menengah. Seterusnya Izham & Norziana (2015) yang mengukur peranan pengetua dalam pengurusan kokurikulum dari perspektif guru sekolah. Dalam pengurusan dakwah di sekolah pula, Toni Arianto (2011) telah mengukur tahap amalan pengurusan program dakwah dan hubungannya terhadap perubahan positif terhadap pelajar, guru dan juga staf di sekolah tersebut. Manakala Daud Mamat (2011) pula telah mengukur tahap kecekapan serta keberkesanan pengurusan Ketua Panitia Pendidikan Islam di sekolah Rendah. Namun begitu, kajian-kajian tersebut tidak menyatakan sumber instrumen yang diperolehi serta kesahan kandungan instrumen yang tidak dijelaskan. Hal ini menyebabkan pengkaji telah membina dan mengubahsuai instrumen sedia ada menerusi kajian literatur serta mengadaptasi teori dan model pengurusan yang berkaitan untuk diaplikasikan dalam kajian ini. Justeru, teori pengurusan Stoner, freeman & Gilbert (1995) dan juga model Standard Kualiti Perguruan Malaysia gelombang 2 (SKPMg 2017) standard 4 yang diguna pakai dalam pengukuran pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) guru telah digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini mengikut objektif kajian yang telah ditetapkan.

## Kerangka Kajian

Kerangka kajian boleh difahami dengan merujuk pada Rajah 1.



## Metodologi

Kajian ini dilaksanakan menggunakan kaedah kuantitatif melalui tinjauan soal selidik dengan melibatkan salah satu dari teknik persampelan bertujuan (*purposive sampling*) iaitu persampelan pakar (*judgement sampling*) sebagai penilai. Persampelan ini merujuk kepada pemilihan kepakaran melalui individu yang pakar dalam bidang tertentu bagi tujuan kajian sebagai sampel kajian (Ilker Etikan, Sulaiman & Rukayya, 2016). Persampelan ini perlu bagi tujuan memperolehi informasi yang positif dan tepat dalam melakukan proses penyemakan kesemua item secara detail. Proses ini perlu untuk tujuan penambahbaikan, cadangan dan juga pandangan bagi memastikan kesemua item tersebut meliputi semua kandungan domain yang hendak diuji (Ghazali & Sufean, 2016; Noraini, 2010). Dua sumber utama yang dilibatkan dalam proses menguji kesahan kandungan dalam kajian ini adalah terdiri daripada panel pakar profesional dalam bidang dan juga pakar lapangan yang terdiri wakil populasi yang relevan dengan kajian ini iaitu seramai 8 orang. Menurut Lynn (1986), jumlah panel pakar yang diperlukan dalam sesebuah kajian adalah memadai seramai lima hingga sepuluh pakar sahaja. Lawshe (1975) sendiri telah menetapkan bilangan pakar sekurang-kurangnya empat orang panel pakar.

### *Jadual Spesifikasi Instrumen (JSI)*

Beberapa prosedur penting perlu dilakukan dalam proses pembinaan instrumen kajian. Justeru, Jadual Spesifikasi Instrumen (JSI) perlu dibina terlebih dahulu bagi memastikan penggubal item soalan tidak tersasar dan bersikap cuai dalam merancang dan menyebabkan hanya sebahagian konstruk sahaja yang diukur (Syed Muhd Kamal, Ahmad & Syed Muhamad Dawilah 2014). Ia juga ditakrifkan sebagai satu set prosedur yang menyelaraskan item-item yang hendak diuji melalui perancangan yang sistematik (Aijaz, Aziz & Tayyaba, 2014). Kaedah ini penting bagi menentukan ketinggian tahap keobjektifan dan juga kesahan kandungan instrumen tersebut (Mohd Najib, 1997). Perincian yang perlu ada dalam JSI merangkumi konstruk, pemboleh ubah, penyoalan, trait, item dan skala (Mohd Sahandri Ghani, Laily Paim, Sharifah Azizah & Mohd Faizal, 2013). Dalam pada masa yang sama, tinjauan literatur berkaitan kajian sangat penting dilakukan sebagai panduan pembinaan instrumen (Mohd Faizal, Mohd Sahandri Ghani, Che Nizam, Mazlini, Noraini & Shafini (2014). Kesemua langkah ini sangat membantu pengkaji dalam menentukan konstruk tertentu seterusnya membentuk item soalan berdasarkan pemboleh ubah yang telah dikenalpasti.

### *Pembinaan Instrumen Kajian*

Pada awalnya, sebanyak 47 item telah dibina dalam instrumen kajian ini dengan pecahan kepada 5 konstruk beserta bilangan item tertentu iaitu merancang (10 item), mengorganisasi (7 item), memimpin (12 item), mendorong (9 item) dan mengawal (9 item). Pemberatan bilangan

item yang dibina dilakukan dilihat berbeza-beza kerana bersandarkan kepada kesesuaian tinjauan literatur yang telah dilakukan oleh pengkaji. Skala likert 1 hingga 5 digunakan berdasarkan tahap persetujuan iaitu (1= Sangat tidak setuju, 2= Tidak setuju, 3= Kurang setuju, 4= Setuju dan 5= Sangat Setuju), sebagai ukuran penilaian oleh responden. Justeru, bagi menilai kesemua item ini, pengkaji telah memilih dan melantik seramai lapan orang panel pakar untuk proses penilaian bagi tujuan kesahan kandungan. Kesahan muka juga perlu dilakukan dengan melibatkan beberapa orang pakar yang dilantik dalam bidang mereka bagi menilai ketepatan bahasa, frasa dan ayat (Ghazali & Sufean, 2016). Dalam konteks ini, pengkaji telah memilih tiga orang penilai yang terdiri daripada guru Bahasa Malaysia bagi menentukan kesahan muka bagi semua item soal selidik. Ini kerana, menurut Lynn (1986), bilangan minimum untuk tujuan pengesahan pakar adalah seramai tiga orang. Pada peringkat ini, pengkaji telah mengambil maklum dan membuat penambahbaikan di atas setiap teguran dan juga cadangan sama ada secara lisan mahupun bertulis yang telah diberikan oleh pakar tersebut.

### ***Kesahan Pakar***

Dalam konteks kajian ini, kesemua pakar profesional yang dilantik adalah mereka yang terlibat secara langsung dalam bidang dan bekerja dalam lapangan tersebut (Mohd Effendi et al, 2017). Ciri kriteria lain yang dimiliki oleh pakar juga ialah mempunyai berpengalaman luas berkaitan pengurusan pendidikan dan dakwah yang melebihi 10 tahun. Ini kerana, menurut Rubio et al, (2003), antara perkara yang harus diberi pertimbangan dalam pemilihan panel pakar adalah bergantung kepada bidang kepakarannya, pengalaman kerja dan juga bilangan penerbitannya. Dalam kajian ini, tempoh pengalaman panel pakar dalam bidang yang paling singkat adalah 13 tahun manakala yang paling lama adalah 30 tahun. Pengkaji telah berjumpa dengan kesemua pakar yang telah dilantik dengan menerangkan tentang latar belakang kajian, definisi operasional dan juga konstruk yang telah pengkaji lakukan. Selain itu, panel pakar juga telah diberikan segala dokumen berkaitan untuk tujuan penilaian sama ada dalam bentuk komentar, pembetulan mahupun cadangan.

### ***Kesahan kandungan***

Kesahan kandungan ditentukan menggunakan Analisis Nisbah Kesahan Kandungan atau *Content Validity Ratio* (CVR) dengan menilai tahap kepentingan setiap item yang dibina berdasarkan tiga skala poin iaitu (1) *Essential* (sangat penting), (2) *Usefull but not essential* (berguna tetapi tidak penting) dan (3) *Not necessary* (tidak perlu). Bagi menentukan kesahan kandungan, pengiraan harus dilakukan dengan menggunakan formula  $CVR = [ne - (N/2)] / (N/2)$ . Formula ini menjelaskan bahawa CVR merujuk kepada nilai item yang dibina, *ne* adalah jumlah panel pakar yang menilai item sebagai penting (*essential*) dan *N* merupakan jumlah keseluruhan panel pakar yang terlibat (*N*=8). Menurut Lawshe (1975), nilai CVR adalah berada dalam julat -1 hingga +1. Nilai +1 menunjukkan bahawa item yang dinilai oleh panel pakar itu adalah penting dalam kesahan kandungan. Sekiranya nilai CVR <0, menunjukkan bahawa kurang dari setengah panel pakar menilai item sebagai penting (*essential*). Jika nilai CVR=0 pula menunjukkan sebahagian daripada sekumpulan panel pakar terlibat menilai item sebagai tidak penting dan sebahagiannya lagi menilainya sebagai penting (*essential*). Manakala nilai CVR>0 menunjukkan bahawa lebih separuh daripada panel pakar menilai item sebagai penting (*essential*). Semakin tinggi nilainya dari 0, makin tinggi kesahan kandungannya. Justeru, jika CVR=1, jelas menunjukkan bahawa kesemua panel pakar telah bersepakat menilai item tersebut sebagai penting (*essential*) seterusnya mempunyai kesahan kandungan yang tinggi.

Dapatan kajian telah ditentukan menerusi ujian psikometrik menerusi nilai CVR yang telah ditetapkan berdasarkan sejumlah 8 orang panel pakar iaitu 0.75 (Lawshe 1975). Selepas

pengujian dilakukan, sejumlah 40 item telah dikenalpasti untuk dikekalkan manakala 7 item lain yang mempunyai nilai di bawah 0.75 telah digugurkan. Jadual 2 menunjukkan ringkasan statistik yang mengukur pemerolehan penilaian dari 8 orang panel pakar beserta 47 item soalan berkaitan pelaksanaan pengurusan pendidikan dakwah mengikut teknik *Content Validity Ratio* (CVR) oleh Lawshe (1975). Jadual 1 di bawah menunjukkan nilai CVR oleh panel pakar yang diperolehi bagi setiap item mengikut konstruk yang telah digugur dan juga dikekalkan.

**Jadual 1: Nilai CVR Item Mengikut Konstruk.**

<i>No. Item</i>	<i>Pernyataan item</i>	<i>*ne</i>	<i>**CVR</i>	<i>Interpertasi</i>
<b><i>Merancang</i></b>				
1.	menetapkan matlamat aktiviti dakwah yang hendak dicapai	8	1	Dikekalkan
2.	mengutamakan pencapaian matlamat organisasi	6	0.5	Digugurkan
3.	merancang aktiviti mengikut keupayaan rakan sejawat sebagai tenaga kerja	8	1	Dikekalkan
4.	menyediakan anggaran belanjawan yang diperlukan	8	1	Dikekalkan
5.	menyediakan perincian aktiviti yang telah dirancang	8	1	Dikekalkan
6.	merancang aktiviti mengikut keupayaan murid sasaran.	8	1	Dikekalkan
7.	memastikan aktiviti dakwah yang dirancang menyokong pembelajaran murid secara bersepadu	7	0.75	Dikekalkan
8.	mengenalpasti kemudahan fizikal utama yang ada di sekolah untuk tujuan sokongan aktiviti (contoh: peralatan dan tempat)	8	1	Dikekalkan
9.	mengemukakan perancangan melalui kertas kerja mengikut tempoh yang ditetapkan oleh pengurusan sekolah.	7	0.75	Dikekalkan
10.	memastikan aktiviti dakwah dirancang mengikut takwim	6	0.5	Digugurkan
<i>Content Validity Index (Mean CVR<sub>t</sub>)</i>			0.937	<i>Efisien</i>
<b><i>Mengorganisasi</i></b>				
11.	melantik jawatankuasa pelaksana melalui carta organisasi	8	1	Dikekalkan
12.	menetapkan tugas setiap guru yang terlibat mengikut kemahiran yang sesuai	8	1	Dikekalkan
13.	memberikan taklimat kepada setiap guru berkaitan aktiviti dakwah yang akan dilaksana	8	1	Dikekalkan
14.	mengagihkan tugas kepada rakan sejawat secara adil.	7	0.75	Dikekalkan
15.	memastikan semua guru memahami tanggungjawab yang telah diberikan	8	1	Dikekalkan
16.	menggunakan pendekatan secara interaksi komunikasi dua hala.	7	0.75	Dikekalkan
17.	memaklumkan kepada pihak pengurusan sekolah berkaitan setiap aktiviti dakwah yang dirancang	7	0.75	Dikekalkan
<i>Content Validity Index (Mean CVR<sub>t</sub>)</i>			0.89	<i>Efisien</i>
<b><i>Memimpin</i></b>				
18.	mampu menggerakkan rakan sejawat melalui arahan yang diberi	7	0.75	Dikekalkan
19.	mewujudkan sesi perbincangan bersama untuk tujuan penambahbaikan aktiviti dakwah yang dirancang.	6	0.5	Digugurkan
20.	mempengaruhi rakan sejawat bekerja bersama-sama dalam satu pasukan	6	0.5	Digugurkan

21.	menerangkan peraturan asas kepada semua murid yang terlibat dalam aktiviti dakwah	8	1	Dikekalkan
22.	menyenaraikan garis panduan secara formal kepada semua rakan sejawat sebelum aktiviti dakwah dilaksanakan	7	0.75	Dikekalkan
23.	mengagihkan tugas secara adil.	6	0.5	Digugurkan
24.	memutuskan idea terbaik berdasarkan pertimbangan dari pelbagai sudut	7	0.75	Dikekalkan
25.	mencuba pelbagai pendekatan berbeza untuk tujuan penambahbaikan aktiviti dakwah	7	0.75	Dikekalkan
26.	turut serta secara aktif dalam organisasi ketika aktiviti dakwah sedang berlangsung	8	1	Dikekalkan
27.	berkeyakinan tinggi dalam setiap tindakan yang dilakukan.	8	1	Dikekalkan
28.	bertanggung jawab terhadap sesuatu perkara yang telah diputuskan	8	1	Dikekalkan
29.	membuat sebarang keputusan menerusi permuafakatan bersama.	8	1	Dikekalkan
	<i>Content Validity Index (Mean CVR<sub>t</sub>)</i>		0.888	<i>Efisien</i>
	<b><i>Mendorong</i></b>			
30.	memberi tunjuk ajar kepada rakan sejawat yang memerlukan panduan	8	1	Dikekalkan
31.	memberi sokongan terhadap setiap aktiviti dakwah yang dilaksanakan	8	1	Dikekalkan
32.	memandang positif terhadap aktiviti dakwah yang dijalankan	8	1	Dikekalkan
33.	menaikkan semangat rakan sejawat menaikkan nama sekolah	6	0.5	Digugurkan
34.	menggalakan murid terlibat secara aktif dalam setiap aktiviti dakwah yang dianjurkan	8	1	Dikekalkan
35.	memuji rakan sejawat yang melaksanakan tugas dengan baik	8	1	Dikekalkan
36.	meraikan sebarang pelbagai idea oleh rakan sejawat berkaitan aktiviti dakwah	8	1	Dikekalkan
37.	merangsang guru untuk melakukan tugas secara bekerjasama dalam pasukan.	8	1	Dikekalkan
38.	memberi penghargaan kepada rakan sejawat yang cemerlang dalam tugas yang diberi.	8	1	Dikekalkan
	<i>Content Validity Index (Mean CVR<sub>t</sub>)</i>		1	<i>Efisien</i>
	<b><i>Mengawal</i></b>			
39.	memastikan setiap yang dirancang dilaksanakan mengikut jadual yang telah ditetapkan.	8	1	Dikekalkan
40.	Menerangkan prosedur (SOP) yang telah ditetapkan kepada semua rakan sejawat.	5	0.25	Digugurkan
41.	mengutamakan keselamatan murid sepanjang aktiviti dakwah dilaksanakan.	7	0.75	Dikekalkan
42.	memastikan segala kemudahan fizikal (peralatan dan bahan sokongan) berfungsi dengan baik sepanjang aktiviti dakwah berlangsung.	7	0.75	Dikekalkan
43.	menepati waktu dalam mengurus aktiviti dakwah di sekolah.	7	0.75	Dikekalkan
44.	mendokumentasikan setiap aktiviti yang telah dilaksanakan dalam bentuk laporan.	8	1	Dikekalkan

45.	membuat perbandingan pencapaian sebenar aktiviti dengan sasaran awal yang ditetapkan.	8	1	Dikekalkan
46.	memastikan penglibatan semua guru secara optimum sepanjang aktiviti dakwah dilaksanakan	7	0.75	Dikekalkan
47.	mengambil maklum di atas setiap aduan yang diperolehi dari aktiviti lalu untuk tindakan selanjutnya.	8	1	Dikekalkan
<i>Content Validity Index (Mean CVR<sub>t</sub>)</i>			0.875	<i>Efisien</i>

\* Bilangan panel pakar yang telah menilai item sebagai sangat penting (*essential*).

\*\*Content Validity Ratio (CVR) =  $(N_e - N/2) / (N/2)$  melibatkan lapan panel pakar (N = 8), item yang mempunyai nilai CVR sebanyak 0.75 dan ke atas telah dikekalkan sebagai instrumen. Manakala nilai CVR yang kurang dari nilai tersebut telah digugurkan

Melalui penetapan nilai CVR yang telah dilakukan berdasarkan penilaian pakar, taburan keseluruhan item yang berjaya dikekalkan adalah sebanyak 40 item yang merangkumi konstruk merancang (8 item) dengan 2 pengguguran item, mengorganisasi kekal (7 item) dan memimpin (9 item) dengan pengguguran 3 item. Manakala konstruk mendorong dan mengawal pula masing-masing mempunyai bilangan item yang sama iaitu (8 item) setelah masing-masing mempunyai pengguguran 1 item. Jadual 2 menunjukkan taburan item selepas ujian CVR melalui penilaian pakar.

**Jadual 2: Taburan Item Selepas Pengesahan Pakar Dan Ujian CVR**

Konstruk	No. Item	No. Item Digugurkan
Merancang	1,2,3,4,5,6,7,8,9,10	2 dan 10
Mengorganisasi	11,12,13,14,15,16,17,18	Tiada
Memimpin	19,20,21,22,23,24,25,26,27,28,29	20,21 dan 24
Mendorong	30,31,32,33,34,35,36,37,38	33
Mengawal	39,40,41,42,43,44,45,46,47	40
Jumlah Item kekal	40	

### ***Kebolehpercayaan Instrumen***

Penentuan kebolehpercayaan kesemua item ini telah diukur melalui kaedah ketekalan dalaman *Alpha Cronbach*. Menurut Hopkins (1998), nilai minimum 0.90 adalah merupakan skor bagi item yang mempunyai kebolehpercayaan yang baik. Nilai ini diakui oleh ramai pengkaji kerana nilai yang melebihi 0.8 lazimnya menunjukkan kebolehpercayaan yang sangat tinggi untuk diterima terutamanya bagi item soal selidik (Aiken, 2000; Cohen et al, 2000; Zaidatun & Mohd Salleh, 2003). Berbeza dengan McMillan & Schumacher (2006) yang menetapkan nilai alpha cronbach yang lebih rendah untuk diterima pakai iaitu 0.65. Begitu juga Sekaran (1992) dan Mohd Majid (2004) yang berpendapat nilai 0.60 adalah memadai untuk mengekalkan ketekalan sesuatu item. Manakala nilai yang lebih rendah daripada itu adalah merupakan nilai kebolehpercayaan yang lemah dan tidak boleh diterima (Mohd Majid, 2004).

Data yang diperolehi daripada kajian rintis telah dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 22. Proses pembersihan data telah dilakukan terlebih dahulu bagi mengelakkan berlakunya sebarang ralat dalam dalam ujian. Pengekodan semula tidak dilakukan kerana tidak terdapat item negatif dalam instrumen ini. Seterusnya, pengkaji telah menggunakan arahan analisis kebolehpercayaan bagi mendapatkan nilai pekali alpha bagi setiap item mengikut konstruk dan item keseluruhan kajian. Keseluruhannya, kelima-lima konstruk mempunyai nilai pekali yang berbeza-beza yang mewakili nilai tinggi dan sangat tinggi. Konstruk memimpin telah memperolehi nilai pekali alpha yang tinggi ( $\alpha=0.891$ ), manakala tiga konstruk yang lain



mempunyai nilai alpha yang sangat tinggi tanpa sebarang pengguguran item iaitu merancang ( $\alpha=0.907$ ), mendorong ( $\alpha=0.23$ ) dan mengawal ( $\alpha=0.916$ ). Manakala konstruk mengorganisasi pula memperolehi nilai Alpha ( $\alpha=0.900$ ) selepas melalui pengguguran dua item. Ini berlaku apabila nilai alpha bila item disingkir (*Alpha If Item deleted*) lebih tinggi berbanding nilai alpha yang sebenar. Berdasarkan analisis data yang diperolehi daripada kajian rintis, nilai *Alpha Cronbach* bagi kesemua konstruk ini dilihat sangat tinggi (Babie, 1992; Kirk, 1984). Ini menunjukkan bahawa item-item yang dibina dalam instrumen soal selidik ini mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi dan boleh diguna pakai bagi tujuan memperolehi data kajian yang sebenar. Nilai kebolehpercayaan bagi setiap konstruk dapat dirumuskan seperti jadual 4 di bawah.

**Jadual 4: Nilai Kebolehpercayaan Alpha Cronbach Mengikut Konstruk**

Konstruk	Bil. Item	Alpha Cronbach	Interpretasi
Merancang	8	0.907	Sangat tinggi
Mengorganisasi	6	0.900	Sangat tinggi
Memimpin	8	0.891	Tinggi
Mendorong	8	0.923	Sangat tinggi
Mengawal	8	0.916	Sangat tinggi
Jumlah item soalan	38	0.971	Sangat tinggi

### Kesimpulan

Memahami kesahan instrumen adalah penting bagi penyelidik untuk memastikan sesuatu instrumen itu sesuai untuk digunakan sebagai alat pengukur terhadap populasi kajian. Manakala ujian kebolehpercayaan instrumen pula sangat penting dalam setiap kajian yang dijalankan kerana fungsinya adalah untuk menguji setiap kupayaan item soalan bagi tujuan mendapatkan ciri-ciri instrumen yang konsisiten walaupun digunakan secara berulang kali pada tempat, masa dan sampel yang berbeza. Berdasarkan hasil keputusan yang telah diperolehi dari pelbagai ujian psikometrik, penilaian pakar, kesahan kandungan dan juga nilai kebolehpercayaan alpha, sebanyak 2 item soalan telah digugurkan. Manakala baki 38 item soalan tersebut boleh dijadikan alat instrumen untuk mengukur dalam mengenalpasti tahap pelaksanaan pengurusan pendidikan dakwah oleh GPI di sekolah.

### Rujukan

- Ab. Aziz. Y. (2014). *Pengurusan Pendidikan Islam: Mekanisme Transformasi Ummah*. Johor Baharu: Percetakan Bumi Restu Sdn Bhd.
- Ahmad Ibrahim, A. S. (1990). *Pengurusan dakwah dalam Islam*. (Terjemahan). Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Ahmad Kilani, M. (2003). *Pengurusan Pendidikan di Sekolah: Huraian Menurut Perspektif Islam*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Ahmad Sahlan A. H., & Rosmawati M. R. (2015). Hubungan pelaksanaan aktiviti dakwah melalui kesenian terhadap penerapan nilai-nilai murni dalam kalangan pelajar sekolah. *AL-Hikmah* Jilid 7:133-149
- Ahmad Sahlan M., Mohd Nizam S., & Abdul Razak O. (2014). Tahap prinsip kepimpinan Ta'dib Guru Pendidikan Islam sekolah rendah di Pulau Pinang. *Proceeding The 4<sup>th</sup> International Conference and Exhibition on Islamic Education (ICIED 2014)*. 31 Mei -1 Jun
- Ahmad, S. (2006). *Pengamalan ciri-ciri kepimpinan Rasulullah SAW dalam kalangan Guru Pendidikan Islam Daerah Kota Tinggi*. Master thesis, Universiti Teknologi Malaysia.

- Aijaz, A, Aziz-un-, N., & Tayyaba, Z. (2013). Table of specification development and usage: An overview. *Interdisciplinary Journal of Contemporary Research in Business*, 4(12), 354-361.
- Aiken, L. R. (1980). Content validity and reliability of single items or questionnaires. *Educational and Psychological Measurement*, 40, 955-959.
- Alhammi, M. (1993). *The Fact of Cunsultation in Islam Medina: Archaeological Library*.
- Babbie, E.R. (1992). *The Practice of Social Research*. California: Wardsworth Publishing Company.
- Bandarani, S. 2004. *Globalization in the balance of Islam*. Beirut: Dar al-Isra Library.
- Cohen, R. J. (1960). A coefficient of agreement for nominal scales. *Educational and Psychological Measurement*, 20, 37-46.
- Daud, M. (2011). *Amalan Pengurusan Ketua Panitia Pendidikan Islam di sekolah Rendah Zon Nusajaya*. Disertsi Sarjana. UTM
- Ghazali, D., & Sufean, H. (2016). *Metodologi penyelidikan dalam pendidikan: Amalan dan analisis kajian*. Universiti Malaya.
- Gilbert, E., & Susan, P. (2016). Making Sense Of Methods And Measurement: Lawshe's Content validity index. *Clinical Simulating in Nursing*, 12, 530-531.
- Habibah. & Zaharah, H. (2017). Ciri-ciri Guru Pendidikan Islam Berasaskan Riadhah Ruhiyyah menurut pandangan al-Ghazali: Analisis Bab Adab Terhadap Guru Dalam Kitab Ihya' Ulum al-Din. *Al-Hikmah* 9(2), 57-77
- Hopkins, K. D. (1998). *Educational and Psychological Measurement & Evaluation*. Ed Ke-2. Boston: Allyn & Bacon
- Hussain, H., Yaakob, S.N., & Abdul Razak M.R. (2015). Kompetensi Guru Dan Hubungannya Dengan Pencapaian Kokurikulum Murid Di Sekolah Menengah. *Simposium Pendidikan diPeribadikan: Perspektif Risalah An-Nur*: 185-195
- Ilhaamie, A.B. (2008). *Amalan Pengurusan Sumber Manusia. Berteraskan kompetensi dan kualiti perkhidmatan organisasi awam di Malaysia*. Tesis Phd. Universiti Sains Malaysia.
- Ilker, E., Sulaiman, A. M., & Rukayya, S. A. (2016). Comparison of Convenience Sampling and Purposive Sampling. *American Journal of Theoretical and Applied Statistics*, 5(1), 1-4.
- Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti. (2017). *Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2 (SKPMg2)*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kirk, R. E. (1984). *Elementary Statistics*. Edisi ke-2. California: Brooks/Cole Publishing Company.
- Lawshe, C. (1975). A quantitave approach to content validity. *Personnel Psychology*, 28(4), 563-575.
- Lynn, M. R. (1986). Determination and quantification of content validity. *Nursing Research*, 35, 382-385.
- Mariam A.M. (2015). Kaedah Pemasaran Dalam Perancangan dan pengurusan Dakwah. *E-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*. Jilid 11 Isu1: 58-75.
- Mcmillan, J. & Schumacher, S. 2006. *Research in Education: Evidence-Based Inquiry*. Boston: Pearson Education Inc.
- Miller, L. A., Loveler, R. L., & McIntire, S. A. (2013). *Foundations of psychological testing: A practical approach*. Sage Publications.
- Mohamad Najib, A. G. (2009). *Penyelidikan pendidikan*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Effendi @ Ewan, M. M., Hisyamsani, I., Normawati, A. R., & Ahmad Zamri, K. (2017). Kesahan kandungan pakar instrumen IKBAR bagi pengukuran AQ menggunakan nisbah kesahan kandungan. *In International Conference on Global Education*, pp. 979-997.

- Mohd Faizal, N. L. A., Mohd Sahandri, G. H., Che Nidzam, C. A., Mazlini, A., Noraini, M. N., Shafini, S., & Lajiman, J. (2014a). An instrument to assess secondary school mathematics teachers' assessment practices in Malaysia. *Journal of Teaching and Education*, 3(3), 483 – 492.
- Mohd Izham, M.H. & Norziana, A. (2015). Peranan Pengetua dalam pengurusan kokurikulum dari perspektif guru sekolah menengah zon keramat. *Jurnal Pendidikan Malaysia*. 40(2): 129-138
- Mohd Majid, K. (2004). Kaedah Penyelidikan Pendidikan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Najib, M. (2007). Peranan pengetua dalam pengurusan kokurikulum di sebuah sekolah menengah daerah Kuantan, Pahang. Kertas Projek Sarjana, Fakulti Pendidikan. Universiti Malaya
- Mohd Sahandri, G. H., Laily, P., Sharifah, A. H., & Mohd Faizal, N. L. A. (2013). Buku panduan pembinaan instrumen “Anda dan kepenggunaan”. Emeritus Publications.
- Mohd Shahrul, M. E. (2013). Amalan Kepimpinan Rasulullah SAW Dalam Kalangan Guru Besar Zon Nusa Jaya, Gelang Patah. Tesis Sarjana, Universiti Teknologi.
- Muhammad Syahir, A.B., Wan fariza Wan Alyati, W. Z. & Kamaruddin, S. (2016). Asas-asas Falsafah Pengurusan dan pentadbiran dalam Islam, satu Penghayatan semula. *Prosiding Kolokium Antarabangsa Siswazah Pengajian Islam (KASPI)*: 370-383
- Noraini, I. (2010). Penyelidikan dalam pendidikan. McGraw-Hill.
- Nurul Muliani, M.I. & Rosmawati, M.R. (2017). Guru Pendidikan Islam dlam karakter Daie sebagai seorang pendidik. *Fikiran Masyarakat*, 5(3), 155-160
- Rubio, D. M., Berg-Weger, M., S. Tebb, S., Lee, E. S., & Rauch, S. (2003). Objectifying Content Validity: Conducting A Content Validitystudy In Social Work Research. *Social Work Research*, 27(2), 94-105.
- Sekaran, U. (1992). Research methods for business: A skill building approach. Ed. Ke-2. New York: John Wiley & Sons.
- Stoner, J.A. Freeman, R.E. & Gilbert, D.R. 1995. Management. (6td Ed). Englewood Cliffs. New Jersey: Prentice Hall Inc.
- Surat Pekeliling Ikhtisas bil.9A/1976 Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Syed Muhd Kamal S.A.B., Ahmad, E. & Syed Muhamad Dawilah, S. A. (2014). Instrumen penilaian kemahiran generik dalam kursus pendidikan jasmani dan kesihatan (PJK): Metode kajian. *Prosiding Persidngan Antarabangsa Kelestarian Insan*, 225-236
- Toni Arianto SY, LC. (2011). Pengurusan Program Dakwah di Integrated School Kota Damansara Selangor. Disertasi Tesis Sarjana. Universiti Malaya.
- Zaidatun, T. & Mohd Salleh, A. (2003). Analisis Data Berkomputer: Spss 11.5 for Windows. Kuala Lumpur: Venton Publishing (M) Sdn. Bhd.